

PERASMIAN HARI PENGGUNA SEDUNIA 1998

Dewan Mukhtamar, Pusat Islam,

Kuala Lumpur

6 November 1998

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan tahun 1998 pada pagi ini. Majlis pada hari ini merupakan yang ketujuh yang telah saya rasmikan sejak tahun 1992. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Seri Megat Junid bin Megat Ayob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah menjemput saya ke majlis sambutan Hari Pengguna Sedunia 1998 untuk menyampaikan mesej di hari yang istimewa ini dan seterusnya merasmikannya.

Tema Hari Pengguna Sedunia pada tahun ini ialah "**Bijak Berbelanja Untuk Negara**". Tema ini bersesuaian dengan keadaan ekonomi negara yang mengalami kegawatan. Pengguna harus menanamkan sikap kepenggunaan yang baik untuk menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara. Apabila kita mengimbau kembali detik-detik kegawatan ekonomi di negara kita sejak Julai 1997, kita tentu akan sedar betapa pentingnya ekonomi negara pada setiap orang daripada kita. Sebagai anggota masyarakat, apa yang berlaku kepada masyarakat tetap mempunyai kesan terhadap kita. Maju masyarakat maka majulah kita. Mundurnya masyarakat maka mundurlah prestasi kehidupan kita.

Masyarakat dianggotai oleh individu. Sebabnya yang kita hidup bermasyarakat ialah kerana individu tidak mampu membekalkan segala keperluannya sendiri. Individu lain perlu membekalkan sebahagian daripada keperluan seseorang individu. Lebih canggih dan besar masyarakat berkenaan lebih banyaklah keperluan individu yang perlu dibekalkan oleh individu lain. Sementara itu setiap individu dalam masyarakat tidak harus lupa ia menjadi pembekal kepada individu-individu

lain dalam masyarakat. Keperluan individu dalam masyarakat meningkat dan bertambah mengikut saiz dan kecanggihan budaya masyarakat berkenaan. Setakat mana majunya dan berjayanya budaya masyarakat bergantung kepada kefahaman individu-individu dalam masyarakat akan tanggungjawabnya dan bagaimana mereka menunaikan tanggungjawab ini.

Pentingkan Kualiti dan Nilai Khidmat atau Barangan

Demikian ada masyarakat yang anggotanya hanya mengutamakan mudah dan cepatnya mereka mendapat pulangan daripada usahanya. Dengan itu perhatian tidak diberi kepada kualiti dan nilai khidmat atau barangan yang dibekal oleh mereka. Kerana yang diutamakan hanyalah pendapatan sebanyak dan secepat mungkin, kualiti khidmat dan barangan biasanya rendah dan bekalan-bekalan terus tidak mencapai kemajuan daripada segi kualiti atau nilai yang ditambah.

Sebaliknya dalam masyarakat yang maju dan canggih anggotanya sepanjang masa cuba memperbaiki lagi kualiti kerja dan hasil kerjanya. Dengan itu maka sebarang khidmat atau keluaran masyarakat itu menjadi bertambah baik sepanjang masa. Dengan itu juga masyarakat menjadi lebih baik, lebih berkualiti dan lebih maju serta canggih dengan pengaliran zaman. Demikian daripada kereta tanpa roda, masyarakat yang maju menciptakan roda yang tumpat, kemudian roda yang lebih ringan dengan menggunakan *spoke* kemudian roda bertayar getah tumpat, kemudian tayar numatik, berputar atas *ball-bearing* dan seterusnya. Masyarakat yang tidak maju kekal dengan roda tumpat yang dicipta oleh nenek moyang, walaupun mereka dapat mencipta roda.

Masyarakat kita ingin menjadi masyarakat yang maju dan canggih. Kita tidak perlu cipta roda semula tetapi kita boleh berusaha untuk menjadikan roda yang kita guna lebih efisien dan lebih tahan lama.

Kata pepatah Inggeris *necessity is the mother of invention* atau "keperluan membuahkan rekacipta". Di zaman gawat ini kita terpaksa bergantung kepada ciptaan dasar, pendekatan dan barangan kita bagi memenuhi keperluan kita. Lebih cekap kita cipta cara menangani masalah kita, lebih cepatlah pemulihan ekonomi negara kita.

Kerajaan telah mencipta beberapa pendekatan dalam menangani kegawatan kewangan dan ekonomi kita. Kita berjaya menyekat pedagang matawang daripada menaik turun nilai ringgit sesuka hati mereka. Kita telah

kembalikan pasaran saham ke negara kita supaya perniagaan saham lebih teratur dan telus. Dengan dua pendekatan ini kita menjadi lebih bebas untuk bertindak memulihkan ekonomi negara. Demikian kita telah dapat menurunkan faedah pinjaman, menambah mudah tunai, memudahkan proses pinjam-meminjam dan sebagainya.

Hari ini ternampak tanda-tanda ekonomi akan pulih. Namun kita sebagai pengguna tidak boleh lepas tangan atau relaks. Kita belum selamat. Tersilap sedikit maka kita akan diserang dengan kegawatan yang mungkin lebih besar dan lebih sukar diatasi.

Sebenarnya apa yang ditentukan oleh kita boleh kita lakukan kerana rakyat negara kita ini tertib. Ada negara yang rakyat bertindak tanpa memahami masalah dan secara membuta-tuli. Mereka merusuh, mogok dan membuat tuntutan yang tidak mungkin dilayan apabila berhadapan dengan masalah. Akhirnya bukan sahaja pendapatan mereka tidak bertambah tetapi pendapatan yang ada pun hilang dan kegawatan serta kos sara hidup meningkat.

Kita Semua Adalah Pengguna

Kita tidak boleh lupa bahawa semua kita adalah pengguna. Tuntutan dan desakan oleh pengguna memang boleh melindungi hak mereka, menentukan mutu dan kualiti khidmat dan barangan yang dijual kepada pengguna, menggalak peningkatan kualiti dan keupayaan segala khidmat dan barangan yang dipasarkan. Kualiti hidup kita akan menjadi lebih baik sepanjang masa kerana peranan yang dimainkan oleh pengguna dan organisasi pengguna. Pengawasan oleh pengguna amatlah penting. Hak pengguna dan kegiatan organisasi pengguna memang perlu dilindungi oleh undang-undang. Kerajaan tetap berperanan dalam melindungi hak dan peranan pengguna.

Di masa yang sama pengguna juga bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Oleh kerana semua pengguna adalah anggota masyarakat, maka tanggungjawab pengguna tidak dapat diasingkan daripada tanggungjawab masyarakat. Jika masyarakat ingin maju, maka pengguna bertanggungjawab untuk menentukan kemajuan itu tercapai. Jika masyarakat menghadapi masalah, maka menjadi tanggungjawab pengguna sebagai anggota masyarakat untuk menolong mengatasi masalah berkenaan.

Sekarang ini kita menghadapi kegawatan ekonomi akibat daripada penurunan nilai matawang kita oleh pedagang matawang. Benar kita telah

rebut balik kuasa menentukan nilai matawang kita. Tetapi negara-negara yang bersaing dengan kita, terutama negara-negara jiran masih terdedah kepada manipulasi pedagang matawang. Jika kita menaikkan nilai Ringgit kita terlalu tinggi, maka barangan kita akan menjadi terlalu mahal sehingga tidak dapat bersaing dengan barangan dan khidmat yang dibekal oleh jiran-jiran kita dalam pasaran dunia.

Sebab itu, walaupun nilai asal Ringgit ialah RM2.50 bagi USD1.00, kita telah menetapkan RM3.80 bagi USD1.00. Ini menjadikan barangan eksport kita kompetitif. Tetapi ini juga menyebabkan kos barangan import terus mahal berbanding dengan semasa sebelum kegawatan.

Oleh sebab import kita masih mahal kita perlu mengurangkan import. Pengguna mestilah kurangkan penggunaan barangan dan khidmat yang didapati dari luar negara kita. Import yang terbesar ialah makanan seperti gula, tepung, daging lembu, susu dan makanan yang diproses daripada bahan-bahan ini. Kita harus kurangkan penggunaan bahan-bahan ini dan menggantikan dengan bahan dan makanan yang dapat dikeluarkan dari dalam negeri.

Alhamdulillah, kualiti barangan tempatan sekarang sama baik dengan barangan import. Walaupun kadangkala harga lebih tinggi sedikit tetapi kerap kali juga ia lebih murah. Lagipun jika kita tingkatkan pembelian barangan tempatan, pengeluarannya akan bertambah dan harga akan turun. Demikian banyak sayur-sayuran tempatan yang sudah menjadi lebih murah kerana lebih ramai pengusaha yang mengeluarkannya untuk memenuhi permintaan oleh pengguna negara kita.

Apabila pasaran tempatan meningkat, maka *economies of scale* bukan sahaja akan menurunkan kos pengeluaran dan dengan itu harga dalam pasaran tempatan tetapi kita juga boleh eksport barangan ini. Pendapatan daripada eksport akan menolong lagi pemulihan ekonomi kita.

Persatuan Pengguna perlu menggalakkan perbelanjaan secara bijak. Kita hendak pengguna belanja wang mereka untuk memulihkan ekonomi negara. Tiap kali seseorang membeli sesuatu, penjual mendapat keuntungan. Jika wang yang diperolehi oleh penjual diguna untuk membeli sesuatu, maka penjual lain pula akan memperolehi keuntungan. Jika wang yang diguna untuk menjualbeli diguna dengan kerap, bertukar dari satu tangan ke satu tangan berkali-kali dalam satu hari, maka ramai yang akan mendapat nikmat daripada jumlah wang yang sama. Sebaliknya jika wang

disimpan di rumah dan tidak digunakan maka tidak ada sesiapa yang mendapat nikmat daripada wang berkenaan.

Apabila Kerajaan mendesak supaya kita pengguna berbelanja secara bijak, ia tidak bermakna kita kurangkan belanja. Kita perlu berbelanja untuk membeli khidmat dan barangan tempatan dan kita kurang membeli barangan yang diimport. Jika kita ingin menabung maka tabunglah dalam bank simpanan atau bank biasa atau Tabung Haji dan Bank Islam umpamanya. Tetapi jangan menyimpan duit dalam peti di rumah kerana duit itu tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada ekonomi kita. Duit yang disimpan di rumah tetap akan hilang nilainya kerana inflasi akan mengurangkan kuasabelinya. Jika disimpan dalam bank atau lain-lain tabung, duit itu akan diguna untuk perniagaan yang mana keuntungan daripada perniagaan akan menambah pendapatan Kerajaan dan perbelanjaan untuk membangunkan negara.

Inilah yang dimaksudkan dengan bijak berbelanja. Walaupun persatuan pengguna lebih aktif sebagai *watchdog* bagi pengguna, di waktu ini, Persatuan boleh memainkan peranan yang amat menguntungkan pengguna sebagai penyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang apa yang boleh dibuat oleh pengguna untuk mengatasi kegawatan yang mana ini akhirnya akan menguntungkan pengguna sendiri.

Kuasa Menentukan Nilai Matawang

Setakat ini tindakan Kerajaan mengembalikan kuasa menentukan nilai matawang kita dan pasaran saham telah menunjukkan bukti-bukti kejayaan. Banyak petunjuk ekonomi telah menjadi lebih baik. Kita yakin asas-asas untuk pemulihan ekonomi sudahpun ada dan kukuh. Yang diperlukan sekarang ialah penyertaan rakyat yang semuanya juga menjadi pengguna dalam usaha menjayakan strategi pemulihan yang telah kita cipta untuk negara tercinta ini.

Kemerdekaan negara kita adalah tanggungjawab yang terbesar sekali bagi kita. Kita baru 41 tahun merdeka. Kita masih ingat kehinaan penjajahan yang telah kita lalui selama 400 tahun. Kita tidak ingin dijajah lagi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bangsa yang bebas tidak sahaja bebas kerana wilayahnya tidak lagi ditakluk oleh orang asing. Negara yang bebas mestilah bebas membentuk dasar-dasarnya sendiri, membentuk cara pentadbirannya, memiliki pendirian yang tersendiri sama ada berkenaan masalah dalaman atau luar.

Kita menerima demokrasi, iaitu pemerintahan oleh majoriti dengan mengambil kira hak dan pendapat minoriti. Tetapi jika kita terpaksa menerima pendapat asing yang ditekankan keatas kita melalui paksaan maka demokrasi kita dan demokrasi mereka hilang maknanya. Sepertimana juga dalam demokrasi warganegara, rakyat perlu bebas, begitu juga demokrasi bermakna negara yang merdeka perlu bebas.

Kita menghadapi ancaman terhadap demokrasi kita apabila kebebasan kita mentadbir negara kita mengikut kehendak majoriti dihalang oleh pihak lain. Bahawa mereka tidak mengguna tentera dan cuba menakluk kita secara fizikal tidak bermakna mereka tidak mencabul demokrasi dan kemerdekaan kita.

Kita tidak perlu kepada penerimaan atau kepujian daripada orang asing yang menganggap diri mereka sebagai hakim dan kuasa pentadbir dan penentu segala-galanya. Jika kita dipuja oleh mereka, percayalah, sebabnya ialah kerana kita sudah diperalat oleh mereka, kita sudah khianati diri kita, bangsa kita dan kerap kali juga agama kita.

Bagi kita yang harus kita junjung ialah kebaikan bagi kita yang tidak datang daripada memburukkan orang lain yang tidak bermusuh dengan kita. Jika kita lihat hasil usaha kita ialah kejayaan dan kebahagiaan bagi kita, maka itu sudah mencukupi. Kepujian daripada orang lain tidak perlu untuk meyakinkan kita bahawa apa yang kita lakukan untuk negara kita adalah baik.

Semua warganegara adalah pengguna dan pengguna adalah kita semua. Miskin atau kaya, kitalah yang menjadi rakyat negara ini, kitalah yang bertanggungjawab terhadap negara ini. Sebagai pengguna dan sebagai rakyat kita punya tanggungjawab terhadap negara. Semasa negara kita maju maka nikmatnya dirasakan oleh kita, semasa kita menghadapi masalah maka pemulihan negara mestilah diusahakan oleh kita sendiri.

Usaha yang perlu dibuat oleh kita sebagai pengguna dan rakyat ialah menentukan negara kita stabil, menentukan kita tidak memburukkan lagi keadaan; menentukan kita mengambil bahagian dalam segala kegiatan yang boleh memulihkan keadaan di negara kita.

Jika kita semua faham tentang sebab kita menghadapi masalah, kita akan faham tanggungjawab kita, kita akan tunaikan tanggungjawab kita dan dengan itu Insya Allah ekonomi negara kita akan pulih semula. Apabila

dianya pulih, maka kita akan kembali bebas untuk menumpukan semula kepada peranan kita mengawasi supaya bekalan khidmat dan barangan kepada pengguna menepati dakwaan yang dibuat mengenainya. Dengan itu maka mutu khidmat dan barangan di negara kita tetap akan menjadi lebih baik sepanjang masa. Dengan itu pengguna dan organisasi pengguna akan menyumbang semula kepada kualiti hidup semua pengguna di negara ini. Sementara itu bekerjasama dengan badan-badan lain dan dengan Kerajaan supaya dapat kita atasi masalah kita sekarang secepat mungkin.

Akhirnya, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1998.